

76  
NO. SOALAN: 332

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HEE LOY SIAN**  
**[ PETALING JAYA SELATAN ]**

**SOALAN :**

Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sekiranya kelulusan UBER Technologies Inc. berjaya menembusi pasaran Malaysia hasil daripada pemberian rasuah seperti yang dilaporkan oleh akhbar Bloomberg.

77

**JAWAPAN:      YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kewujudan perkhidmatan *e-hailing* adalah satu fenomena baru yang melanda industri perkhidmatan pengangkutan awam darat seluruh dunia. Perkhidmatan *e-hailing* ini telah mendapat permintaan yang memberangsangkan di seluruh dunia dan trend berkenaan turut dirasai di Malaysia. Ini didorong oleh pelbagai faktor seperti mudah diakses, harga tambang yang murah dan platform penempahan yang mesra pengguna.
2. Dalam hal ini, Kerajaan telah menjalankan kaji selidik untuk menilai keperluan bagi Kerajaan untuk mengawalselia perkhidmatan *e-hailing*. Antara dapatan hasil kajian telah menunjukkan bahawa 70% daripada 45,000 responden mahu Kerajaan memberar dan mengawalselia perkhidmatan *e-hailing*. Semua input yang diperolehi daripada kaji selidik berkenaan telah dinilai dengan lebih terperinci dalam Makmal Transformasi Industri Teksi yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) pada akhir tahun 2015.
3. Melalui makmal berkenaan, SPAD telah mengenalpasti isu-isu yang membelenggu industri teksi tempatan termasuklah kesan kewujudan perkhidmatan *e-hailing* terhadap perniagaan teksi di Malaysia serta membuat perbandingan dengan cabaran-cabaran yang turut dihadapi di bandar-bandar lain di seluruh dunia.

- 18
4. Hasilnya, Kerajaan telah memperkenalkan Program Transformasi Industri Teksi (TITP) yang menggariskan 11 inisiatif sebagai penyelesaian kepada isu-isu tersebut. Langkah pengawalseliaan perkhidmatan *e-hailing* merupakan salah satu daripada inisiatif TITP tersebut. Pindaan akta-akta yang berkaitan berhubung perkara ini juga telah turut dibentang dan diluluskan oleh Parlimen Malaysia pada sesi mesyuarat yang lalu.
5. Sehubungan dengan itu, ingin ditegaskan bahawa Kerajaan telah melaksanakan prosedur yang sewajarnya serta melalui saluran yang sah dalam menimbang dan membuat keputusan untuk mengawal selia perkhidmatan *e-hailing* di Malaysia. Ini seterusnya menafikan dakwaan wujudnya sebarang unsur *quid-pro-quo* di dalam proses pindaan undang-undang berhubung hal ini.
6. Oleh yang demikian, dakwaan bahawa Malaysia mengambil keputusan untuk mengawal selia perkhidmatan *e-hailing* kerana ada penglibatan rasuah adalah tidak benar dan tidak berasas sama sekali.

Sekian, terima kasih.